

AKHBAR : KOSMO!

MUKA SURAT : 6

TARIKH : 13 APRIL 2022

HARI : RABU

SENTIMEN : POSITIF

## Cabutan WOW! 25 Tahun PTPTN tawar hadiah RM1 juta



WAN SAIFUL (tengah) bergambar dengan pemenang Cabutan WOW! Simpan SSPN Plus 2021 dan Kempen Stay Safe&Win SSPN-I 2021.

**PETALING JAYA** – Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) melancarkan Kempen Cabutan WOW! 25 Tahun PTPTN dengan menawarkan hadiah keseluruhan hampir RM1 juta.

Pengerusi PTPTN, Datuk Wan Saiful Wan Jan berkata, cabutan itu terdiri daripada tiga kategori iaitu Cabutan Tahunan Jubli Perak, Cabutan Khas Babyku Simpan dan Cabutan Siri.

"Menariknya, hadiah utama bagi Cabutan Tahunan Jubli Perak kali ini berupa kereta Mercedes Benz A250 AMG Line, hadiah kedua pula berupa wang

tunai RM100,000 serta hadiah ketiga berupa wang tunai bernilai RM50,000.

"Selain itu, terdapat juga hadiah sagu hati berupa motosikal jenis Honda Dash 125 menanti 22 pemenang, manakala hadiah Cabutan Babyku Simpan berupa wang tunai RM250,000 menanti 250 pemenang. Hadiah Cabutan Siri berupa wang tunai hampir RM200,000, menanti 75 pemenang," katanya dalam satu kenyataan kelmarin.

Tambah Wan Saiful, tempoh promosi bagi Cabutan Tahunan Jubli Perak dan Cabutan Khas

Babyku Simpan bermula dari 1 Januari hingga 31 Disember 2022, manakala bagi Cabutan Siri adalah dari 1 April hingga 31 Disember tahun ini.

"PTPTN sentiasa memberi fokus utama dalam membudayakan amalan penabungan untuk perancangan kewangan bagi tujuan pendidikan tinggi.

"Tindakan ini selari dengan Teras Pertama Pelan Strategik PTPTN 2021-2025 iaitu menjadikan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) sebagai produk simpanan pendidikan utama di Malaysia," ujarnya.